

TEKS UCAPAN
MAJLIS PERASMIAN & PENYERAHAN TITI PEJALAN KAKI
UNTUK MURID-MURID SMK MAMBAU & SK MAMBAU

Tarikh : 15 Jun 2009
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dihadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Mambau

Alhamdulillah Hirrobbil 'Alamin Wassolatu Wassola Mu'ala Ashrofil Ambiyahi
Warmursalin Waala Alihi Wassohbihi Ajmaiin.

Yang Berbahgia Dato' Hj Noor Nordin bin Abdullah
Ketua UMNO Caw Kampung Mambau serta Ahli Majlis Penuh MPS

Yang Berusaha En. Mohd. Rusdi bin Jamaludin
Pengerusi JKKK Kampung Mambau merangkap Ketua UMNO Caw Taman
Kelab Tunku

Yang Berusaha Tn Hj. Hanan bin Hj. Elias - Jurutera Daerah JKR Seremban
serta barisan Pegawai dan Kakitangan JKR Daerah Seremban

Yang Dihormati Pn. Norlia binti Abdul Karim
Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Mambau serta Guru2 SMK Mambau

Yang Dihormati En. Azizul Hasan bin Shamsuddin
Guru Besar Sekolah Kebangsaan Mambau serta Guru2 SK Mambau

Pengerusi-pengerusi dan AJK-AJK serta Wakil-wakil Persatuan Penduduk dan
Pertubuhan Bukan Kerajaan

Para Media yang budiman

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seterusnya Murid-murid SMK dan SK Mambau yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum dan Salam Perpaduan,

Terlebih dahulu, sama-samalah kita ucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya juga membolehkan kita semua berkumpul pada pagi ini untuk sama-sama menghadiri satu majlis iaitu perasmian serta penyerahan Titi Pejalan Kaki Untuk Murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Mambau dan Sekolah Kebangsaan Mambau ini. Apatah lagi hari ini, Isnin bersamaan 15 Jun 2009 merupakan hari pertama persekolahan bagi Penggal Kedua ini. Semestinyalah hari ini menjadi satu hari yang penuh bermakna dengan penyerahan sebuah titi pejalan kaki, ehsan daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan kepada pihak sekolah dalam suatu majlis walaupun sederhana namun penuh bererti.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Noor Nordin bin Abdullah kerana di samping dapat menghadirkan diri dalam majlis pada pagi ini, beliaulah juga orangnya yang memohon agar sebuah jambatan dapat didirikan di lokasi ini. Keprihatinan Yang Berbahagia Dato' terhadap keselamatan murid-murid sekolah telah beliau ajukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas Majlis Perbandaran Seremban yang mana saya sendiri selaku Pengerusinya. Jadi, inilah harinya sebuah jambatan kecil atau titi telah menjadi realiti. Tahniah dan terima kasih Yang Berbahagia Dato' di atas komitmen sebagai seorang Ketua Pemimpin yang berjaya di Kawasan Mambau ini.

Tidak lupa juga saya dan seluruh warga JKR Negeri Sembilan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Puan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Mambau dan Tuan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Mambau yang telah memberi kerjasama yang sebaiknya dalam menjayakan Majlis Perasmian dan Penyerahan Titi Pejalan Kaki untuk murid-murid sekolah ini. Tanpa penglibatan pihak sekolah mungkin majlis ini tidak dapat kita

sempurnakan. Secara tidak langsung juga, aktiviti seperti ini telah merapatkan lagi sirratul rahim serta kerjasama antara Jabatan Kerajaan seperti JKR dengan masyarakat setempat.

Yang Berbahgia Dato', Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

Pembinaan titi pejalan kaki ini telah melakar satu sejarah di Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan. Ini adalah kerana, di samping pihak JKR sendiri membinanya secara jabatan, kakitangan yang membinanya iaitu kumpulan artisan atau tukang dari JKR Daerah Seremban telah berjaya menyiapkan titi ini dalam tempoh 10 hari sahaja dengan kos pembelian bahan sebanyak RM 15,000. Pembinaan secara jabatan ini dibuat adalah bagi menjimatkan kos pembinaan sebenar, kerana jika dibuat oleh pihak luar atau kontraktor, kosnya ditaksirkan melebihi RM 20,000.00. Selain itu, para pegawai teknikal daripada JKR Seremban turut menyemak aspek keselamatan titi tersebut.

Selain menjadi titi pertama yang dibina oleh pihak JKR, kakitangan JKR khususnya kumpulan artisan JKR Daerah Seremban ini telah berjaya menyahut saranan yang saya berikan sebelum ini iaitu untuk membina titi ini secara Jabatan. Secara tidak langsung ini menghasilkan satu tanggungjawab sosial Jabatan kepada penduduk setempat khususnya kepada golongan murid-murid sekolah di kawasan Mambau ini.

Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah serta terima kasih kepada kumpulan artisan JKR dan seluruh kakitangan JKR Daerah Seremban yang terlibat dalam pembinaan titi tersebut. Ini adalah selaras dengan '**tagline**' JKR Negeri Sembilan iaitu "**1 Perkhidmatan, Pelanggan Didahulukan, Prestasi**

Diutamakan”. Tagline ini selaras dengan hasrat Kerajaan Pusat dengan moto **“1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**.

Untuk makluman para hadirin juga, aspek keselamatan pelajar memang diberi perhatian serius oleh pihak atasan JKR di mana pada tahun 2007, JKR Negeri Sembilan telah berjaya menyiapkan 4 buah jejantas untuk kegunaan murid-murid sekolah melibatkan peruntukan sebanyak RM 2.5 Juta. Jejantas-jejantas tersebut adalah setiap satu di Jelevu, Kuala Pilah, Port Dickson dan Jempol. Semua kemudahan ini tidak bermakna jika tidak digunakan sebaiknya oleh para pelajar atau murid. Oleh yang demikian, saya berharap kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan ini akan dihargai termasuk titi pejalan kaki di sekolah ini.

Tujuan asal pembinaan titi pejalan kaki ini, adalah khusus untuk murid-murid sekolah berulang-alik terutamanya bagi murid-murid sekolah dari Taman Kelab Tuanku, Taman Perumahan berhampiran dan untuk kegunaan penduduk sekitarnya. Selain itu, titi ini juga sebagai kemudahan untuk murid-murid menaiki bas di kawasan letak bas di seberang jambatan. Dengan jumlah murid kedua-dua sekolah seramai lebih kurang 1800 orang untuk 2 sesi persekolahan, pihak JKR berharap kemudahan ini akan dijaga dan digunakan dengan sebaiknya oleh murid-murid sekalian.

Bagi pihak JKR, saya memohon kerjasama Puan Pengetua SMK Mambau & Tuan Guru Besar SK Mambau serta guru-guru sekalian agar dapat menasihati murid-murid tentang keselamatan diri apabila menyeberangi titi ini. Murid-murid sekalian diingatkan agar tidak menjadikan titi ini sebagai tempat untuk bermain atau bergurau senda, kerana keselamatan diri perlu diutamakan. Kita semua termasuk JKR semestinya tidak mahu kejadian-kejadian yang tidak diingini menimpa murid-murid sekolah. Oleh itu, sementara menunggu bas, jangan ada

murid yang duduk (bertenggong ?).di atas *railing* atau pemegang tangan titi atau memanjat *railing* titi.

Para hadirin dan hadirat sekalian

JKR juga berharap agar titi pejalan kaki ini dijaga dengan sebaiknya oleh murid-murid mahupun pentadbiran sekolah walaupun ianya terletak di luar kawasan sekolah. Saya juga berharap agar pihak sekolah dapat menasihatkan murid-murid sekolah masing-masing supaya menggunakan titi tersebut kerana jambatan baru di jalan utama Mambau ke Port Dickson ini memang tidak disediakan laluan untuk pejalan kaki manakala jumlah kenderaan yang lalu juga banyak. Oleh itu, demi keselamatan semua pihak, sama-samalah kita menjaga titi tersebut agar ianya akan terus dapat digunakan. Untuk makluman hadirin juga, titi ini akan diselenggara sendiri oleh pihak JKR Daerah Seremban dari masa ke semasa.

Sebelum saya akhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua hadirin yang sempat hadir serta menjayakan majlis pada pagi ini. Dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrohim, saya merasmikan Titi Pejalan Kaki Untuk Murid-Murid SMK Mambau dan SK Mambau ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum.....